



JABATAN BENDAHARI • BURSAR'S DEPARTMENT

Rujukan: UKM BEN.400-6/12/1

Tarikh: 30 September 2022

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua  
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PEMBEKALAN BAJU KORPORAT BAHARU KEPADA KAKITANGAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman, YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Universiti telah melantik tiga (3) syarikat sebagai panel bagi membekalkan baju korporat Universiti. Tujuan lantikan syarikat panel ini adalah untuk keseragaman disamping mendapatkan harga yang lebih menjimatkan. Tempoh lantikan ketiga-tiga syarikat pembekal tersebut adalah selama satu (1) tahun mulai **01 Oktober 2022 sehingga 30 September 2023**.

3. Bagi melancarkan proses tempahan baju korporat, Pusat Tanggungjawab (PTj) akan dibahagikan kepada tiga (3) zon seperti yang disenaraikan dalam **Lampiran 1**. Maklumat mengenai syarikat pembekal dan Zon PTj adalah seperti berikut:

Bil	Zon PTj	Maklumat Pegawai Untuk Dihubungi
1	Zon A Nama syarikat : MH Global Sdn Bhd	i. Encik Mohd Ali Awang No Tel: 018-2058166 Emel: ali@mhglobal.com ii. Encik Lutfi No Tel: 012-2703728 Emel: lutfi@mhglobal.com iii. Encik Arsad No Tel: 011-10200817



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**JABATAN BENDAHARI**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3000 E-mel: kualitijbend@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

2	Zon B Nama syarikat: Koperasi Unikeb Berhad	i. Encik Nik Azhar bin Nik Abdullah No Tel: 013-3970078 Emel: <a href="mailto:azhar@unikeb.com">azhar@unikeb.com</a> ii. Puan Zanariah Binti Suri No Tel: 017-2873192 Emel: <a href="mailto:zanariah@unikeb.com">zanariah@unikeb.com</a> iii. Encik Muhammad Fathi Shifaa bin Mohd Ramli No Tel: 011-21274103 Emel: <a href="mailto:fathi@unikeb.com">fathi@unikeb.com</a>
3	Zon C Nama syarikat: Kanta Kemas Sdn Bhd	i. Encik Yahaya Afandi Bin Hasan No Tel: 013-350 9453 Emel: <a href="mailto:kanta.kemas@gmail.com">kanta.kemas@gmail.com</a> ii. Encik Mohd Nor Hisham Bin Mohd Hussni No Tel: 019-289 2665 Emel: <a href="mailto:kanta.kemas@gmail.com">kanta.kemas@gmail.com</a>

4. Sehubungan dengan itu, untuk tujuan perolehan baju korporat Universiti, semua PTJ dikehendaki untuk membuat tempahan melalui syarikat panel yang telah dilantik mengikut keperluan PTJ masing-masing terhadap kepada sehelai untuk setiap kakitangan.

5. Berikut adalah jenis baju korporat dan harga siling yang telah ditetapkan bagi pembekalan baju korporat universiti:

Bil	Jenis Baju	Harga Maksima (RM)	Tempoh Penghantaran
1	Lelaki (Lengan Pendek)	82.00	35 – 90 hari selepas pesanan rasmi dikeluarkan
2	Lelaki (Lengan Panjang)	88.00	
3	Wanita Lengan Panjang	86.00	
4	Wanita Labuh	95.00	

Nota: Pihak PTJ adalah dibolehkan untuk membuat rundingan dengan syarikat pembekal berkaitan harga dengan berdasarkan jumlah kuantiti pesanan yang dibuat.

6. Untuk urusan tempahan, PTJ boleh terus menghubungi syarikat yang telah dilantik tanpa perlu membuat perbandingan sebutharga dan kajian pasaran. Jabatan Bendahari tidak akan memproses bayaran bagi pembelian baju korporat Universiti yang dibuat selain daripada pembekal/ syarikat panel di atas. Sebarang ketidakpatuhan terhadap perkara ini adalah menjadi tanggungjawab PTJ untuk menanggung kos pembelian yang telah dibuat.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

#### JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3000 Faks: +603-8921 3058 E-mel: [kualitijbend@ukm.edu.my](mailto:kualitijbend@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/bendahari](http://www.ukm.my/bendahari)

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

7. Selepas menerima tempahan, pihak PTj perlu membuat pemeriksaan terhadap kualiti dan spesifikasi baju korporat yang diterima. Sekiranya tidak memenuhi spesifikasi, baju tersebut hendaklah dipulangkan kepada pembekal untuk tindakan pembaikan dan tempoh pembaikan adalah 14 hari dari tarikh pemulangan baju.

8. Pengeluaran Borang Permohonan Pesanan Rasmi (BPPR) /Pesanan Rasmi (mengikut had kuasa PR) perlu disediakan oleh pihak PTj menggunakan peruntukan yang disediakan oleh Bendahari UKM seperti berikut:

Bil	Zon	Kod Peruntukan
1	Zon A	BG-H-10U1001-00-0101068-B27500
2	Zon B	BG-H-10U1001-00-0101069-B27500
3	Zon C	BG-H-10U1001-00-0101070-B27500

9. Permohonan perlu dikemukakan ke Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari untuk urusan pengeluaran Pesanan Rasmi yang melebihi had kuasa PTj. Carta Alir Pengurusan Baju Korporat Universiti dan Carta Saiz Baju Korporat Universiti adalah seperti di **Lampiran 2** dan **Lampiran 3**.

10. Bagi UKM-GSB, UKM SHAPE, HCTM dan HPKK, perolehan adalah menggunakan peruntukan PTj masing-masing dan boleh berurusan terus dengan syarikat yang telah dilantik dengan menggunakan tatacara perolehan yang berkuatkuasa.

11. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh berhubung dengan Bahagian Perolehan/ Bahagian Bajet Jabatan Bendahari di talian 03-8921 3553/ 5681/ 4221.

Sukacita sekiranya perkara ini dapat disampaikan kepada semua pegawai dan kakitangan YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian. terima kasih.

**“Akauntabiliti Pegangan Kita”**

Yang benar,

**MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN C.A (M)**

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**JABATAN BENDAHARI**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3000 Faks: +603-8921 3058 E-mel: [kualitijbend@ukm.edu.my](mailto:kualitijbend@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/bendahari](http://www.ukm.my/bendahari)

**Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

- s.k.
- Naib Canselor, UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat), UKM
  - Pro Naib Canselor (Strategik dan Pembangunan Korporat), UKM
  - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana), UKM
  - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
  - Pendaftar, UKM
  - Ketua Perpustakaan, UKM
  - Penasihat Undang-Undang, UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

#### JABATAN BENDAHARI

, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3000 Faks: +603-8921 3058 E-mel: [kualitjibend@ukm.edu.my](mailto:kualitjibend@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/bendahari](http://www.ukm.my/bendahari)

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)